



## **890 PEMBELI KEDIAMAN RESIDENSI SEREMBAN SENTRAL MENERIMA KUNCI BERMULA BULAN INI**

*Residensi Seremban Sentral sudah sedia untuk diduduki*

**SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN 13 JUN:** Projek Residensi Seremban Sentral yang dibangunkan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA), telah menerima Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) pada 31 Mei 2023 daripada Majlis Bandaraya Seremban (MBS). Penyiapan projek (CCC) ini adalah selari dengan pengumuman YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim di Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Kerajaan Negeri Sembilan dan Malaysia Madani baru-baru ini, bahawa Residensi Seremban Sentral sedia untuk diduduki bermula Jun 2023. Lanjutan itu, penyerahan Notis Milikan Kosong (VP) telah diberikan pada 7 Jun 2023 dan seterusnya proses penyerahan kunci akan bermula pada hari ini.

Projek Residensi Seremban Sentral terdiri daripada 1,504 unit apartmen di mana sebanyak 890 unit atau 59 peratus daripadanya sudah terjual setakat 31 Mei 2023. Projek yang dibina oleh kontraktor lantikan PR1MA, Brunfield Engineering Sdn. Bhd. (Brunfield) ini merangkumi keluasan 861 hingga 1,237 kaki persegi, dengan harga jualan di antara RM251,680 sehingga RM384,160 setiap unit.

“Dalam usaha kami untuk memenuhi harapan dan keperluan masyarakat di Negeri Sembilan, saya berharap projek Residensi Seremban Sentral ini akan menjadi contoh di dalam pemodenan bandar Seremban. Saya juga yakin komuniti di Residensi Seremban Sentral ini akan terus lestari dan residensi ini menjadi tempat tinggal yang menyenangkan kepada semua pembeli serta ahli keluarga mereka,” kata YAB Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan di Majlis Penyerahan Kunci Residensi Seremban Sentral hari ini.

Turut hadir di Majlis tersebut adalah YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Anthony Loke, Menteri Pengangkutan, YBhg. Datuk M Noor Azman Bin Taib, Ketua Setiausaha Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, YBhg. Datuk Azrulnizam bin Abdul Aziz, Pengerusi PR1MA serta YBhg. Datuk Seri Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff, Ketua Pegawai Eksekutif merangkap Anggota Perbadanan PR1MA.

“KPKT telah bekerjasama dengan PR1MA dan agensi-agensi berkaitan bagi menunaikan komitmen kami untuk menyiapkan projek perumahan Residensi Seremban Sentral ini sehabis baik, walaupun terdapat beberapa kelewatan. KPKT

terus berusaha dalam memastikan projek perumahan agensi di bawah KPKT, seperti PR1MA, akan terus progresif menyediakan kediaman berkualiti dan mampu milik buat rakyat Negeri Sembilan dan juga seluruh Malaysia,” kata YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan.

Sementara itu, YBhg. Datuk Azrulnizam bin Abdul Aziz berkata PR1MA berasa amat berbesar hati dapat menyerahkan kunci kepada pembeli Residensi Seremban Sentral, walaupun terdapat beberapa kekangan untuk menyiapkan projek sebelum ini.

“PR1MA juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pembeli atas kesabaran dan kerjasama yang diberikan sepanjang proses pembangunan projek ini. Sokongan dan kesetiaan anda telah memberi inspirasi kepada kami untuk terus berusaha dalam melaksanakan projek perumahan yang berkualiti tinggi, sesuai dengan keperluan impian anda. Terima kasih sekali lagi kerana sudi menjadi sebahagian daripada komuniti PR1MA,” kata YBhg. Datuk Azrulnizam.

Projek Residensi Seremban Sentral ini telah menghadapi kelewatan dari tarikh siap asal disebabkan pelbagai faktor. Antaranya termasuklah kerja-kerja pembinaan yang tertanggung selama hampir dua tahun akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kekurangan pekerja mahir yang dihadapi oleh kontraktor lantikan PR1MA, serta isu kenaikan harga bahan mentah binaan semasa pandemik tersebut.

Memetik sidang media YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan berhubung status terkini projek perumahan swasta sakit dan terbengkalai yang telah diadakan pada 9 Mei 2023, faktor yang turut menjadi kekangan dalam menyiapkan projek mengikut tempoh masa yang dirancang adalah isu berkaitan utiliti seperti sambungan bekalan elektrik, sistem pembetulan, bekalan air, kemudahan jalan dan perparitan. Residensi Seremban Sentral serta beberapa residensi PR1MA yang lain turut berdepan kekangan-kekangan tersebut dalam proses penyiapan projek.

Pada Majlis Penyerahan Kunci Residensi Seremban Sentral ini juga, satu pakej jualan khas yang dikenali sebagai Pakej PR1MA *Own A Home* mula ditawarkan kepada mereka yang berminat untuk memiliki unit yang masih tersedia dan yang telah membuat tempahan Residensi Seremban Sentral. Tertakluk kepada unit kediaman yang ditempah, pembeli dapat menikmati pakej promosi penyaman udara dan kabinet dapur bernilai sehingga RM10,000 atau pakej penyaman udara bernilai bernilai sehingga RM2,500. Tempoh kempen ini adalah daripada 13 Jun 2023 sehingga 31 Oktober 2023.

Untuk sebarang maklumat mengenai PR1MA, sila layari laman web PR1MA di [www.pr1ma.my](http://www.pr1ma.my) atau hubungi Pusat Panggilan PR1MA di 03-7628 9898 (tutup pada hari umum di Negeri Selangor) atau emel kepada [info@pr1ma.my](mailto:info@pr1ma.my).

**-TAMAT-**

---

### **Mengenai Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)**

Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) iaitu salah sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), ditubuhkan di bawah Akta PR1MA 2012 dan bertanggungjawab di dalam pembangunan kediaman mampu milik berkualiti tinggi untuk rakyat Malaysia. Kediaman PR1MA dibina dengan konsep holistik, iaitu turut memberi penekanan kepada pembangunan komuniti lestari.

Amalan mampan diguna pakai untuk membangunkan kediaman PR1MA, manakala konsep "Rumah Kita, Komuniti Kita" menekankan kehidupan masyarakat yang moden dan harmoni. PR1MA menggalakkan pengintegrasian nasional melalui program pembangunan komuniti dan keluarga berdasarkan lima (5) prinsip: Sihat, Saku, Sayang, Selamat dan Suasana. Tambahan juga, PR1MA membina ekosistem pemilikan rumah yang komprehensif buat rakyat Malaysia agar mereka dapat menikmati keselesaan kediaman PR1MA bersama keluarga. Ini termasuk menyediakan ketersambungan internet berkelajuan tinggi melalui PR1MA Communications Sdn Bhd (PCSB), menyediakan pengurusan aset dan kemudahan berkualiti melalui PR1MA Facilities Management Sdn. Bhd. (PFMSB), serta memudahkan pembiayaan perumahan bagi para pembeli.

**Untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:**

#### **Perspective Strategies**

Edna Zacharias (edna.zacharias@perspective.com.my/ +6016-3554758)

Amiruddin Azran (amiruddin.azran@perspective.com.my / +6011-11452867)

#### **PR1MA**

Khairul Faizi Dalaiil (khairul.faizi@pr1ma.my / +6013-7029740)